



NO. BILIK :
-------------

## PENERIMAAN TAWARAN MENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN (PELAJAR KANAN)

**KOLEJ KEDIAMAN :** \_\_\_\_\_ **SEMESTER :** \_\_\_\_\_ **SESI :** \_\_\_\_\_

Bahawasanya saya \_\_\_\_\_ No. Matrik : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_ dengan ini bersetuju untuk menerima tawaran Kolej Kediaman, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) untuk menghuni Kolej Kediaman bagi tempoh SATU (1) SEMESTER, berkuatkuasa mulai tarikh sesi pengajian Universiti dan berjanji akan mematuhi syarat-syarat seperti yang dinyatakan :

- i. Mematuhi peraturan-peraturan sebagaimana tertakluk di bawah akta AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971 Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 dan segala peraturan serta arahan yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.
- ii. Bersetuju untuk menjelaskan segala yuran Kolej Kediaman dan apa-apa jua bayaran atau denda (sekiranya saya melanggar peraturan Kolej Kediaman atau Universiti).
- iii. Memberikan kerjasama dan komitmen dalam semua aktiviti Kolej Kediaman.
- iv. Saya bersetuju bahawa yuran Kolej Kediaman saya tidak akan dikembalikan sekiranya saya keluar daripada Kolej Kediaman di dalam tempoh tersebut atau saya diarahkan keluar dari Kolej Kediaman atas sebab tindakan tatatertib sebagaimana Pekeliling Bendahari Bil 7/2003, Peraturan Pembayaran Pelajar.
- v. Pelajar juga harus mematuhi larangan berikut :

### **Larangan Am Universiti**

#### **Representasi yang berhubungan dengan Universiti**

14. Tiada seorang pun pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar boleh, tanpa kelulusan Naib Canselor terlebih dahulu, membuat apa-apa representasi atau perhubungan lain, sama ada secara lisan atau bertulis atau dengan apa-apa cara lain, kepada mana-mana pegawai awam atau kepada akhbar atau kepada orang ramai semasa memberikan apa-apa kuliah, ucapan atau pernyataan awam atau semasa membuat apa-apa penyiaran melalui bunyi atau gambar, berhubung dengan apa-apa perkara berkaitan dengan Universiti atau berkaitan dengan kakitangan atau pelajar Universiti, atas sifat mereka sebagai kakitangan atau pelajar Universiti atau berkaitan dengan dirinya atas sifatnya sebagai seorang pelajar Universiti.

**Kuasa Pengetua untuk memberikan perintah, dsb., berkenaan dengan ketenteraman dan tatatertib**

36. (1) Pengetua atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Naib Canselor boleh, dari semasa ke semasa, memberikan sama ada secara lisan atau bertulis, apa-apa perintah, arahan atau petunjuk sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat untuk memelihara ketenteraman dan tatatertib di dalam asrama.

**Hukuman Tatatertib**

49. Seorang pelajar yang melakukan suatu kesalahan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah ini dan didapati bersalah bagi kesalahan itu boleh dikenakan mana-mana satu atau mana-mana gabungan dua atau lebih hukuman yang sesuai seperti berikut:

- a) Amaran ;
- b) denda tidak melebihi satu ratus ringgit;
- c) dilarang berada atau memasuki mana-mana bahagian atau bahagian-bahagian tertentu Universiti bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan;
- d) digantung daripada menjadi pelajar Universiti bagi tempoh yang ditetapkan;
- e) dipecat daripada Universiti

vi. Bersetuju untuk melepaskan tanggungan terhadap pihak Kolej Kediaman atas apa jua tuntutan yang berpunca daripada kecuaiannya sendiri.

**vii. Maklumat Waris (*untuk dihubungi sekiranya berlaku kecemasan*)**

**Waris 1**

**Waris 2**

Nama : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Hubungan : \_\_\_\_\_

Hubungan : \_\_\_\_\_

No Telefon : \_\_\_\_\_

No Telefon : \_\_\_\_\_

Yang benar,

\_\_\_\_\_

Tandatangan Pelajar

Nama : \_\_\_\_\_

No. Tel : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Disahkan Oleh,

\_\_\_\_\_

Tandatangan & Cop  
Pengetua Kolej Kediaman

Tarikh : \_\_\_\_\_